

'Elak boleh dijual beli'

24/6/03

AHLI Umno perlu meniauhkan diri daripada sikap 'boleh dijual beli' jika mahu perjuangan parti kekal di landasan yang betul, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering menekankan mengenai kepentingan memelihara bangsa, agama dan negara bagi memastikan tamadun Melayu dapat dikekalkan.

"Antara punca runtuhnya tamadun ialah tiada perpaduan, sering merebut kuasa, hasad dengki, khianat dan belot terhadap perjuangan.

"Semua tabiat ini datangnya dari dalam hati dan sebagai ahli yang sayangkan pemimpin serta perjuangan parti, kita harus mengikisnya jika ada. Kita perlu setia," katanya.

Beliau berkata, ahli Umno juga perlu mendokong perjuangan pucuk pimpinan yang sentiasa memelihara keharmonian kaum dan hak asasi seperti kebebasan beragama yang diamalkan selama ini.

"Dunia mengakui negara kita sudah mengalami pelbagai perubahan sehingga menjadi tamadun moden yang boleh dibanggakan, tetapi masih ada segelintir pihak yang enggan mengakui kenyataan ini.

"Mereka tidak nampak apa yang ada di depan mata dan menjadi tanggungjawab kita memerangi golongan minoriti ini habis-habisan supaya tidak memutar belit ajaran Islam," katanya.

Adnan berkata, kalau berlaku perpecahan di kalangan orang Melayu, Pas harus dipersalahkan kerana merekalah bertanggungjawab terhadapnya.

"Umno hidup kerana parti kita memperjuangkan agama berpandukan al-Quran dan sunnah, sedangkan Pas suka berbohong serta menabur fitnah," katanya.